



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERLIS**

**UNIT PENGURUSAN KHIDMAT PELANGGAN**

**KURSUS : PENGURUSAN EMOLUMEN SEKTOR AWAM (ZON UTARA)  
PADA 14-16 FEB 2023**

1. **Kursus Pengurusan Emolument Sektor Awam (Zon Utara)** ini dijalankan pada **14-16 Februari 2023** selama **3 hari** mulai **8.30 pagi** hingga **4.30 petang** di **Dewan Seri Pinang, Institut Perguruan Kangar (IPGM) Perlis**. Kursus ini dijalankan **secara bersemuka** dan penyertaan adalah seramai **30 orang peserta**.
  2. Secara umumnya, kursus ini dijalankan adalah untuk memberi lebih **kefahaman** dan **pengetahuan** kepada semua penyedia di **Pusat Tanggungjawab (PTJ)** bagi **melancarkan urusan tugas seharian**.
  3. **OBJEKTIF KURSUS**  
Memastikan peserta lebih **mempelajari dan memahami pengetahuan** berkenaan setiap **emolument penjawat sektor awam** dan peserta dapat **mengaplikasikan ilmu** yang diberi dalam tugas harian.
-

## INTIPATI KURSUS :-

### 1. TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN

**Tarikh emolumen** dibayar kepada **pegawai awam** selaras dengan **AP105**, seperti jadual yang **diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia** dan dimaklumkan oleh **JANM** melalui **SPANM**.

**Gaji dan elaun** tidak boleh dibayar sebelum **25hb** dalam bulan ianya kena dibayar. **Pencen** pula tidak boleh dibayar lebih awal **4 hari** daripada **tarikh pembayaran gaji** berkenaan.

**Jika 25hb** jatuh pada hari **Sabtu** atau **Ahad** bayaran boleh dibuat oleh Jabatan pada hari **kerja akhir minggu** berkenaan.

### 2. PUSAT PEMBAYAR GAJI (*PAY CENTRE - PC*)

**Unit Organisasi** yang diwujudkan bagi **memperakaunkan perbelanjaan emolumen** mengikut **kod Pegawai Pengawal** dan **Kod PTJ Penerima Waran (PTJ bayar)** bagi **tujuan pelaporan**. Satu PTJ bayar boleh mempunyai lebih daripada satu Pusat Pembayar Gaji.

### 3. PEJABAT PERAKAUNAN (*Accounting Office - AO*)

**Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri / Cawangan** dan **Bahagian Akaun Kementerian** bagi **Kerajaan Persekutuan** manakala bagi **Kerajaan Negeri** merujuk kepada **Pejabat Bendahari Negeri / Akauntan Negeri**.

### 4. PERINTAH AM BAB B

Bab B bertujuan menetapkan **kadar dan syarat** bagi seorang pegawai menuntut elaun, kemudahan dan bayaran semasa bertugas rasmi.

### 5. **PENYATA PERUBAHAN MENGENAI PENDAPATAN SESEORANG PEGAWAI (KEW.8 – Pin. 10/96)**

Di dalam sesebuah Jabatan Kerajaan, **Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8 – Pin. 10/96)** adalah merupakan **dokumen penting** kerana ia mengandungi **REKOD YANG BERTERUSAN** ke atas **perubahan-perubahan** yang berlaku di dalam **karier seseorang pegawai** atau **kakitangan semasa tempoh perkhidmatannya** dengan Kerajaan.

Kew.8 juga penting sebagai **SATU UNSUR KAWALAN KEWANGAN** kerana ia memberi **kuasa** untuk membuat **sesuatu pembayaran** kepada pegawai dan kakitangan.

---

## LAMPIRAN B

### FOTO KURSUS : PENGURUSAN EMOLUMEN SEKTOR AWAM (ZON UTARA) PADA 14-16 FEB 2023







